

ASTRO PRIVACY NOTICE – CUSTOMERS

Effective Date: 22 November 2024

Last Reviewed: 22 November 2024

1. **WHAT IS THIS NOTICE?** Please read this privacy notice (the "**Privacy Notice**") carefully to understand ASTRO's policies and practices regarding the Personal Data of its customers and how ASTRO will treat it. The Personal Data Protection Act 2010 (the "**Act**") was introduced to regulate the processing of Personal Data in commercial transactions. The Act, which applies to all companies and firms that are established in Malaysia, requires Us to inform you of your rights in respect of your Personal Data.
2. **WHAT IS PERSONAL DATA?** "**Personal Data**" refers to information that relates directly or indirectly to you, which can be used to identify you on its own or in combination with other data that We collect or have access to.
3. **WHO ARE WE?** Any reference in this Privacy Notice to "ASTRO", "We", and "Us" shall mean Astro Malaysia Holdings Berhad (932533-V) and, as applicable, any of its subsidiaries and related companies as defined in the Companies Act 2016.
4. **WHAT PERSONAL DATA MIGHT WE COLLECT FROM YOU?** The Personal Data that ASTRO may collect about you will vary depending on how you interact and engage with ASTRO. For example, it may include:
 - (a) your name, date of birth, identification supporting documents (including NRIC or passport number), gender, nationality and race, preferred language, current private and/or business address, installation address, telephone or mobile phone number, email address, questions and/or data to facilitate security measures We have for your account;
 - (b) your credit and/or debit card information, bank account details and your payment history;
 - (c) the status of the products and/or services you have acquired from Us or subscribed to;
 - (d) how you use the products and/or services;
 - (e) the equipment (such as your set top box and your computer system) and/or software you use when accessing our and/or our preferred merchants' and strategic partners' products and/or services;
 - (f) your personal interests and preferences to help Us tailor offerings of our and/or our preferred merchants' and strategic partners' products and/or services which would suit you best;
 - (g) clickstream data when you visit any of ASTRO's apps, social media platforms or websites;
 - (h) recording of calls placed by you to our help desk for our service enhancement and improvement; and
 - (i) such other information that may be necessary for ASTRO's legitimate business purposes or as required by applicable legal requirements.
5. **WHAT ARE THE SOURCES OF YOUR PERSONAL DATA?:**
 - (a) We may obtain Personal Data from you directly when you:
 - i. communicate with Us, including when you submit an application to become our customer or when you contact Us regarding any enquiries;
 - ii. subscribe for specific ASTRO product and/or services;

- iii. use any ASTRO products and/or services;
- iv. enter or participate in any competitions, contests or loyalty programmes run and/or organised by or on behalf of ASTRO;
- v. request any information or register any interest in any of ASTRO's products and/or services;
- vi. respond to any marketing or promotional materials circulated by ASTRO;
- vii. visit any ASTRO offices, premises, or retail centres;
- viii. visit, browse, post on or input any information into any ASTRO apps, social media platforms and/or websites;
- ix. lodge a complaint with ASTRO; and
- x. provide any feedback to ASTRO.

(b) Other than Personal Data obtained from you, We may also obtain your Personal Data from third parties We deal with or are connected with you (including credit reference or reporting agencies or financial institutions) and from other sources where you have given your consent for the disclosure of Personal Data relating to you, and/or where otherwise lawfully permitted.

(c) We collect information about your use of our websites from cookies. Cookies are packets of information stored in your computer or device which assist your website navigation by customising site information tailored to your needs. Cookies in themselves do not identify the individual user, just the computer or device used. You are not obliged to accept cookies. If you are concerned, you can set your computer or device either to accept all cookies, to notify you when a cookie is issued, or not to receive cookies at any time. However, rejection of cookies may affect your use of our websites as We will be unable to personalize aspects of your use of the website.

(d) Please be informed that this Privacy Notice applies solely to ASTRO's websites and does not apply to any third party websites you may access from our websites. To determine how they deal with your Personal Data, you should ensure that you read their respective privacy policies. If you use or subscribe to any product and/or service from any third party and you subsequently provide your Personal Data directly to that third party, your Personal Data will be subject to that third party's privacy notice.

6. **HOW MIGHT WE USE YOUR PERSONAL DATA?** We may use and process your Personal Data for any of the following purposes (together the "**Purposes**"):

- (a) to assess and process your request for ASTRO products and/or services;
- (b) to establish your identity and background;
- (c) to assess your application to register for the use of ASTRO apps, social media platforms and websites;
- (d) to assess your application for subscription to ASTRO products and/or services;
- (e) to communicate with you;
- (f) to provide any products and/or services to you;
- (g) to process your payment transactions;
- (h) to respond to your enquiries;
- (i) to administer your participation in contests;
- (j) to conduct internal activities;
- (k) to conduct internal investigations, compliance, audit or security purposes including, without limitation, crime detection, prevention and prosecution;
- (l) to conduct market surveys and trend analysis;

- (m) to provide you with information on ASTRO's products and services;
- (n) to provide you with information on products and services of our preferred merchants and strategic partners;
- (o) for other legitimate business activities of ASTRO;
- (p) for such other purposes as set out in the terms of use for each of ASTRO's websites; and/or
- (q) if relevant, such other purposes as set out in ASTRO's General Terms and Conditions and, if applicable, ASTRO's Campaign Terms and Conditions.

By providing the Personal Data, you are deemed to have given your consent to the processing and use by ASTRO of the Personal Data for the Purposes.

7. WHO DO WE SHARE YOUR PERSONAL DATA WITH?

- (a) We may disclose your Personal Data to third party companies, organisations, and/or service providers to: (i) carry out services on our behalf which is ancillary and/or required for purposes of providing our and/or our preferred merchants' and strategic partners' products and/or services to you; or (ii) help Us provide services to you and to personalize our service and make it work better; or (iii) process payment transactions; or (iv) carry out fraud and credit checks, and collect debts and protect our rights and defend Us and our property; or (v) analyse and improve the information We hold (including about your interactions with services provided by us and/or preferred merchants and strategic partners); or (vi) run surveys; or (vii) carry out any of the purposes as set out in this Privacy Notice.
- (b) We may also disclose your Personal Data to various government bodies and agencies to meet our legal and regulatory obligations and to law enforcement agencies for the purpose of preventing and/or detecting crime, or for the purpose of investigations and/or the apprehension or prosecution of offenders and/or protection of national security and/or any purpose that is required or authorized by or under any law or by any order or judgment of a court.
- (c) If required for any of the Purposes, your Personal Data may be transferred to locations outside Malaysia or disclosed to any of ASTRO's licensees, business partners and/or service providers, who may be located within or outside Malaysia. Save for the foregoing, your Personal Data will not be knowingly transferred to any place outside Malaysia or be knowingly disclosed to any third party.

8. WHAT MEASURES DO WE TAKE TO PROTECT YOUR PERSONAL DATA? We take these measures to protect your Personal Data by ensuring that:

- (a) your Personal Data is kept as required by the Act;
- (b) ASTRO's staff do not misuse your Personal Data; and
- (c) any appointed suppliers and service providers who process any of your Personal Data perform in accordance with the terms of their contract with ASTRO. Nevertheless, you are required to ensure the security of your password and not to disclose it to another party to reduce the risk of data breaches.

9. HOW LONG DO WE KEEP YOUR INFORMATION FOR? We will maintain your Personal Data in our business records while you remain a subscriber, customer or user of any of our products and/or services or a user of the ASTRO websites. We will also maintain your Personal Data for a period of time after you are no longer a subscriber, customer or user of any of our products and/or services or a user of the ASTRO websites if the Personal Data remains necessary for the Purposes.

10. WHAT COMMITMENTS DO YOU GIVE IN RESPECT OF YOUR PERSONAL DATA?

- (a) You are responsible for providing accurate and complete information to us about yourself and any other person whose Personal Data you provide us and for updating this Personal Data as and when it becomes incorrect or out of date.
- (b) If you are under the age of 18, you are required to ensure that your parents or legal guardian consent on your behalf to the processing of your Personal Data as described in this Privacy Notice.
- (c) You represent and warrant that the consent of those third parties (including family members, beneficiaries and emergency contacts) whose Personal Data you provide ASTRO with has been obtained to allow Us to process the same in relation to the Purposes.

11. WHAT ARE YOUR RIGHTS IN RESPECT OF YOUR PERSONAL DATA? In most instances, it is necessary for Us to process your Personal Data in order to provide ASTRO's products and services and for ASTRO to operate in the ordinary course of business. However, you may limit the processing of your Personal Data in the manner described in the paragraphs below.

- (a) You may at any time contact ASTRO's Personal Data Protection Officer via registered post or email as set out in Section 13 below to make enquiries or raise complaints about the processing of your Personal Data and you may request in writing to (i) access your Personal Data, (ii) withdraw your consent from ASTRO processing your Personal Data, (iii) limit the processing by ASTRO of your Personal Data and/or (iv) request the correction (including the deletion) of your Personal Data, where you are of the opinion that such Personal Data held by Us is inaccurate, incomplete, misleading or, where relevant, not up-to-date.
- (b) In relation to direct marketing, you may request by written notice by registered post or email that We do not process your Personal Data for any of the following purposes: (i) advertising or marketing via phone relating to any product or service of ASTRO or our preferred merchants and strategic partners; (ii) sending to you via post any advertising or marketing material relating to any product or service of ASTRO or our preferred merchants and strategic partners; (iii) sending to you via email or SMS any advertising or marketing material relating to any product or service of ASTRO or our preferred merchants and strategic partners, or (iv) communicating to you by whatever means any advertising or marketing material of ASTRO or our preferred merchants and strategic partners.
- (c) Please note that we reserve our right to decline any data access request or data correction request in certain situations, including (i) where we are unable to confirm your identity or (ii) where information requested for is of a confidential nature or (iii) if we receive repeated requests from you and the burden or expense of providing access is disproportionate to the risks of your privacy. We also reserve the right to charge a fee (where permitted under the applicable law) for any data access request.

12. UPDATES TO THIS PRIVACY NOTICE: This Privacy Notice may be amended by Us at any time from time to time. Any amendment to this Privacy Notice shall be published on ASTRO's websites or by other means as We deem fit. Your continued use of any ASTRO products and/or services and disclosure of Personal Data under Section 5 shall be deemed to be your agreement to the said amendment of this Privacy Notice.

13. **OUR CONTACT DETAILS:** Should you have any queries (including to limit the processing of your Personal Data), concerns or complaints in relation to this Privacy Notice, kindly contact Us (i) by post at the following address: Pegawai Perlindungan Data Peribadi, Kumpulan Astro Malaysia, Peti Surat 10148, 50710 Kuala Lumpur; (ii) by email at pdpo@astro.com.my; or (iii) by telephone on 03 9543 3838.

NOTIS PRIVASI ASTRO – -PELANGGAN

Tarikh Berkuatkuasa: 22 November 2024

Semakan Terakhir: 22 November 2024

1. **APAKAH NOTIS INI?** Sila baca notis privasi ini ("**Notis Privasi**") dengan teliti untuk memahami dasar dan amalan ASTRO berkenaan Data Peribadi pelanggannya dan cara ASTRO akan menggunakannya. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**Akta**") telah diperkenalkan untuk mengawal selia pemprosesan Data Peribadi dalam transaksi komersial. Akta tersebut, yang terpakai bagi semua syarikat dan firma yang ditubuhkan di Malaysia, memerlukan Kami untuk memaklumkan anda mengenai hak anda berkenaan dengan Data Peribadi anda.
2. **APAKAH DATA PERIBADI?** "**Data Peribadi**" merujuk kepada maklumat yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan anda, yang boleh digunakan untuk mengenal pasti anda secara bersendirian atau bersama-sama dengan data lain yang Kami kumpul atau mempunyai akses kepadanya.
3. **SIAPA KAMI?** Sebarang rujukan dalam Notis Privasi ini kepada "ASTRO" dan "Kami" bermaksud Astro Malaysia Holdings Berhad (932533-V) dan, mengikut mana yang berkenaan, mana-mana subsidiari dan syarikat yang berkaitan dengannya seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016.
4. **APAKAH DATA PERIBADI YANG MUNGKIN KAMI KUMPULKAN DARIPADA ANDA?** Data Peribadi yang ASTRO mungkin kumpulkan mengenai anda akan berbeza-beza bergantung kepada cara anda berinteraksi dan berhubungan dengan ASTRO. Sebagai contoh, ia mungkin termasuk:
 - (a) nama anda, tarikh lahir, dokumen sokongan pengenalan (termasuk kad pengenalan atau nombor pasport), jantina, kewarganegaraan dan bangsa, bahasa pilihan, alamat peribadi dan/atau perniagaan semasa, alamat pemasangan, nombor telefon atau telefon mudah alih, alamat e-mel, soalan-soalan dan/atau data untuk memudahkan langkah keselamatan yang Kami ada untuk akaun anda;
 - (b) maklumat kad kredit dan/atau kad debit anda, butiran akaun bank dan sejarah pembayaran anda;
 - (c) status produk dan/atau perkhidmatan yang telah anda perolehi daripada Kami atau langgan;
 - (d) cara anda menggunakan produk dan/atau perkhidmatan;
 - (e) peralatan (seperti kotak atas set anda dan sistem komputer anda) dan/atau perisian yang anda gunakan apabila mengakses produk dan/atau perkhidmatan kami dan/atau pedagang dan rakan kongsi strategik pilihan kami;
 - (f) minat dan kecenderungan peribadi anda untuk membantu Kami menyesuaikan tawaran produk dan/atau perkhidmatan kami dan/atau pedagang dan rakan kongsi strategik pilihan kami yang paling sesuai untuk anda;
 - (g) data aliran klik apabila anda melawati mana-mana aplikasi, platform media sosial atau laman web ASTRO;
 - (h) rakaman bagi panggilan yang dibuat oleh anda ke meja bantuan kami untuk peningkatan dan penambahbaikan perkhidmatan kami; dan

- (i) maklumat lain yang mungkin diperlukan untuk tujuan urusan sah ASTRO atau seperti yang dikehendaki oleh syarat undang-undang yang berkenaan.

5. APAKAH SUMBER DATA PERIBADI ANDA?:

- (a) Kami mungkin mendapatkan Data Peribadi daripada anda secara langsung apabila anda:
 - i. berkomunikasi dengan Kami, termasuk apabila anda mengemukakan permohonan untuk menjadi pelanggan kami atau apabila anda menghubungi Kami mengenai sebarang pertanyaan;
 - ii. melanggan produk dan/atau perkhidmatan ASTRO tertentu;
 - iii. menggunakan sebarang produk dan/atau perkhidmatan ASTRO;
 - iv. menyertai atau mengambil bahagian dalam mana-mana pertandingan, peraduan atau program kesetiaan yang dijalankan dan/atau dianjurkan oleh atau bagi pihak ASTRO;
 - v. meminta sebarang maklumat atau mendaftarkan sebarang kepentingan dalam mana-mana produk dan/atau perkhidmatan ASTRO;
 - vi. bertindak balas kepada sebarang bahan pemasaran atau promosi yang diedarkan oleh ASTRO;
 - vii. melawat mana-mana pejabat, premis atau pusat niaga ASTRO;
 - viii. lawat, layar, siar atau masukkan sebarang maklumat ke dalam mana-mana aplikasi, platform media sosial dan/atau laman web ASTRO;
 - ix. membuat aduan kepada ASTRO; dan
 - x. memberikan sebarang maklum balas kepada ASTRO.
- (b) Selain daripada Data Peribadi yang diperolehi daripada anda, Kami juga mungkin mendapatkan Data Peribadi anda daripada pihak ketiga yang Kami berurusan dengan atau berkaitan dengan anda (termasuk rujukan kredit atau agensi pelaporan atau institusi kewangan) dan daripada sumber lain di mana anda telah memberikan persetujuan anda untuk pendedahan Data Peribadi yang berhubung dengan anda, dan/atau jika dibenarkan secara sah.
- (c) Kami mengumpul maklumat mengenai penggunaan anda akan laman web kami daripada kuki. Kuki ialah paket maklumat yang disimpan dalam komputer atau peranti anda yang membantu pengemudian laman web anda dengan memadankan maklumat laman web yang bersesuaian dengan keperluan anda. Kuki itu sendiri tidak mengenal pasti pengguna individu tetapi hanya komputer atau peranti yang digunakan. Anda tidak diwajibkan untuk menerima kuki. Jika anda bimbang, anda boleh menetapkan komputer atau peranti anda untuk menerima sama ada kesemua kuki, untuk memberitahu anda apabila kuki dikeluarkan, atau untuk tidak menerima kuki pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, penolakan kuki boleh menjejaskan penggunaan anda akan laman web kami kerana Kami tidak akan dapat memperibadikan aspek penggunaan laman web anda.
- (d) Harap maklum bahawa Notis Privasi ini terpakai hanya untuk laman web ASTRO dan tidak terpakai kepada mana-mana laman web pihak ketiga yang boleh diakses daripada laman web kami. Untuk memastikan bagaimana mereka berurusan dengan Data Peribadi anda, anda harus memastikan bahawa anda membaca dasar privasi mereka. Jika anda menggunakan atau melanggan mana-mana produk dan/atau perkhidmatan daripada mana-mana pihak ketiga dan anda kemudiannya memberikan Data Peribadi anda terus kepada pihak ketiga tersebut, Data Peribadi anda akan tertakluk kepada notis privasi pihak ketiga tersebut.

6. **BAGAIMANA MUNGKIN KAMI MENGGUNAKAN DATA PERIBADI ANDA?** Kami mungkin menggunakan dan memproses Data Peribadi anda untuk mana-mana tujuan berikut (bersama-sama "**Tujuan**"):

- (a) untuk mentaksir dan memproses permintaan anda untuk produk dan/atau perkhidmatan ASTRO;
- (b) untuk memastikan identiti dan latar belakang anda;
- (c) untuk mentaksir permohonan anda untuk mendaftar bagi penggunaan aplikasi, platform media sosial dan laman web ASTRO;
- (d) untuk mentaksir permohonan anda untuk melanggan produk dan/atau perkhidmatan ASTRO;
- (e) untuk berkomunikasi dengan anda;
- (f) untuk menyediakan sebarang produk dan/atau perkhidmatan kepada anda;
- (g) untuk memproses transaksi pembayaran anda;
- (h) untuk menjawab pertanyaan anda;
- (i) untuk mentadbir penyertaan anda dalam peraduan;
- (j) untuk menjalankan aktiviti dalaman;
- (k) untuk menjalankan penyiasatan dalaman, pematuhan, audit atau tujuan keselamatan termasuk, tanpa had, pengesanan jenayah, pencegahan dan pendakwaan;
- (l) untuk menjalankan tinjauan pasaran dan analisis arah aliran;
- (m) untuk memberi anda maklumat mengenai produk dan perkhidmatan ASTRO;
- (n) untuk memberi anda maklumat mengenai produk dan perkhidmatan pedagang pilihan dan rakan kongsi strategik pilihan kami;
- (o) untuk aktiviti urusan sah ASTRO yang lain;
- (p) untuk apa-apa tujuan lain seperti yang dinyatakan dalam terma penggunaan bagi setiap laman web ASTRO; dan/atau
- (q) jika berkaitan, apa-apa tujuan lain seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Am ASTRO dan, jika berkenaan, Terma dan Syarat Kempen ASTRO.

Dengan membekalkan Data Peribadi, anda dianggap telah memberikan persetujuan anda kepada pemprosesan dan penggunaan Data Peribadi oleh ASTRO untuk Tujuan.

7. DENGAN SIAPA KAMI KONGSIKAN DATA PERIBADI ANDA?

- (a) Kami mungkin mendedahkan Data Peribadi anda kepada syarikat pihak ketiga, organisasi dan/atau pembekal perkhidmatan untuk: (i) menjalankan perkhidmatan bagi pihak kami yang merupakan sampingan kepada dan/atau diperlukan untuk tujuan menyediakan produk dan/atau perkhidmatan kami dan/atau pedagang dan rakan kongsi strategik' pilihan kami kepada anda; atau (ii) membantu Kami menyediakan perkhidmatan kepada anda dan untuk memperibadikan perkhidmatan kami dan menjadikannya berfungsi dengan lebih baik; atau (iii) memproses transaksi pembayaran; atau (iv) menjalankan pemeriksaan penipuan dan kredit, dan mengutip hutang dan melindungi hak kami serta mempertahankan Kami dan harta kami; atau (v) menganalisis dan menambah baik maklumat yang Kami pegang (termasuk mengenai interaksi anda dengan perkhidmatan yang disediakan oleh kami dan/atau pedagang dan rakan kongsi strategik pilihan kami); atau (vi) menjalankan tinjauan; atau (vii) menjalankan mana-mana tujuan seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini.
- (b) Kami juga mungkin mendedahkan Data Peribadi anda kepada pelbagai badan dan agensi kerajaan untuk memenuhi kewajipan undang-undang dan kawal selia kami dan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang untuk tujuan mencegah dan/atau mengesan jenayah, atau untuk tujuan penyiasatan dan/atau penahanan atau pendakwaan pesalah dan/atau

perlindungan keselamatan negara dan/atau apa-apa tujuan yang diperlukan atau dibenarkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang atau oleh mana-mana perintah atau penghakiman mahkamah.

- (c) Jika diperlukan untuk mana-mana Tujuan, Data Peribadi anda boleh dipindahkan ke lokasi di luar Malaysia atau didedahkan kepada mana-mana pemegang lesen, rakan kongsi perniagaan dan/atau pembekal perkhidmatan ASTRO, yang mungkin berada di dalam atau di luar Malaysia. Kecuali perkara di atas, Data Peribadi anda tidak akan dipindahkan secara sengaja ke mana-mana tempat di luar Malaysia atau didedahkan secara sengaja kepada mana-mana pihak ketiga.

8. **APAKAH LANGKAH YANG KAMI AMBIL UNTUK MELINDUNGI DATA PERIBADI ANDA?** Kami mengambil langkah-langkah berikut untuk melindungi Data Peribadi anda dengan memastikan bahawa:

- (a) Data Peribadi anda disimpan seperti yang dikehendaki oleh Akta;
- (b) Kakitangan ASTRO tidak menyalahgunakan Data Peribadi anda; dan
- (c) mana-mana pembekal dan penyedia perkhidmatan yang dilantik yang memproses mana-mana Data Peribadi melakukannya mengikut terma kontrak mereka dengan ASTRO. Namun begitu, anda dikehendaki memastikan keselamatan kata laluan anda dan tidak mendedahkannya kepada pihak lain untuk mengurangkan risiko pelanggaran data.

9. **BERAPA LAMA KAMI MENYIMPAN MAKLUMAT ANDA?** Kami akan mengekalkan Data Peribadi anda dalam rekod perniagaan kami selagi mana anda kekal sebagai pelanggan atau pengguna mana-mana produk dan/atau perkhidmatan kami atau pengguna laman web ASTRO. Kami juga akan mengekalkan Data Peribadi anda untuk satu tempoh masa selepas anda bukan lagi pelanggan atau pengguna mana-mana produk dan/atau perkhidmatan kami atau pengguna laman web ASTRO jika Data Peribadi kekal diperlukan untuk Tujuan.

10. **APAKAH KOMITMEN YANG ANDA BERIKAN BERKENAAN DENGAN DATA PERIBADI ANDA?**

- (a) Anda bertanggungjawab untuk memberikan maklumat yang tepat dan lengkap kepada kami mengenai diri anda dan mana-mana orang lain yang Data Peribadinya anda berikan kepada kami dan untuk mengemas kini Data Peribadi tersebut apabila ia menjadi tidak betul atau lapuk.
- (b) Jika anda berumur di bawah 18 tahun, anda dikehendaki untuk memastikan bahawa ibu bapa atau penjaga sah anda memberi kebenaran bagi pihak anda untuk memproses Data Peribadi anda seperti yang diterangkan dalam Notis Privasi ini.
- (c) Anda menyatakan dan menjamin bahawa persetujuan pihak ketiga tersebut (termasuk ahli keluarga, benefisiari dan orang hubungan kecemasan) yang Data Peribadinya anda berikan kepada ASTRO telah diperolehi untuk membolehkan Kami memproses perkara yang sama berhubung dengan Tujuan.

11. **APAKAH HAK ANDA BERKENAAN DENGAN DATA PERIBADI ANDA?** Dalam kebanyakan keadaan, adalah perlu bagi Kami untuk memproses Data Peribadi anda bagi menyediakan produk dan perkhidmatan ASTRO dan untuk ASTRO beroperasi dalam urusan perniagaan biasa. Walau bagaimanapun, anda boleh menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda mengikut cara yang diterangkan dalam perenggan di bawah.

- (a) Anda boleh pada bila-bila masa menghubungi Pegawai Perlindungan Data Peribadi ASTRO melalui pos berdaftar atau e-mel seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 13 di bawah untuk membuat pertanyaan atau mengemukakan aduan mengenai pemprosesan Data Peribadi anda dan anda boleh memohon secara bertulis untuk (i) mengakses Data Peribadi anda, (ii) menarik balik persetujuan anda daripada ASTRO memproses Data Peribadi anda, (iii) hadkan pemprosesan oleh ASTRO akan Data Peribadi anda dan/atau (iv) meminta pembetulan (termasuk pamadaman atau pemusnahan) Data Peribadi anda di mana anda berpendapat bahawa Data Peribadi yang dipegang oleh Kami adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau, jika berkaitan, tidak terkini.
 - (b) Berhubung dengan pemasaran langsung, anda boleh memohon melalui notis bertulis melalui pos berdaftar atau e-mel bahawa Kami tidak memproses Data Peribadi anda untuk mana-mana tujuan berikut: (i) pengiklanan atau pemasaran melalui telefon yang berkaitan dengan mana-mana produk atau perkhidmatan ASTRO atau pedagang dan rakan kongsi strategik pilihan kami; (ii) menghantar kepada anda melalui pos apa-apa bahan pengiklanan atau pemasaran yang berkaitan dengan mana-mana produk atau perkhidmatan ASTRO atau pedagang dan rakan kongsi strategik pilihan kami; (iii) menghantar kepada anda melalui e-mel atau SMS apa-apa bahan pengiklanan atau pemasaran yang berkaitan dengan mana-mana produk atau perkhidmatan ASTRO atau pedagang dan rakan kongsi strategik pilihan kami, atau (iv) berkomunikasi dengan anda melalui apa jua cara sebarang bahan pengiklanan atau pemasaran ASTRO atau pedagang dan rakan kongsi strategik pilihan kami.
 - (c) Sila ambil perhatian bahawa kami berhak untuk menolak sebarang permohonan bagi akses kepada data atau permohonan pembetulan data dalam situasi tertentu, termasuk (i) di mana kami tidak dapat mengesahkan identiti anda atau (ii) di mana maklumat yang diminta adalah bersifat sulit atau (iii) jika kami menerima permohonan berulang kali daripada anda dan beban atau perbelanjaan untuk menyediakan akses adalah tidak seimbang dengan risiko privasi anda. Kami juga berhak untuk mengenakan bayaran (jika dibenarkan di bawah undang-undang yang terpakai) untuk sebarang permohonan bagi akses kepada data.
12. **KEMASKINI KEPADA NOTIS PRIVASI INI:** Notis Privasi ini boleh dipinda oleh Kami pada bila-bila masa dari semasa ke semasa. Sebarang pindaan kepada Notis Privasi ini hendaklah diterbitkan di laman web ASTRO atau melalui cara lain yang Kami anggap sesuai. Penggunaan berterusan anda terhadap mana-mana produk dan/atau perkhidmatan ASTRO dan pendedahan Data Peribadi di bawah Seksyen 5 akan dianggap sebagai persetujuan anda terhadap pindaan Notis Privasi ini.
13. **BUTIRAN UNTUK MENGHUBUNGI KAMI:** Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan (termasuk untuk mengehadkan pemprosesan Data Peribadi anda), kebimbangan atau aduan berhubung dengan Notis Privasi ini, sila hubungi Kami melalui (i) pos di alamat berikut: Pegawai Perlindungan Data Peribadi, Kumpulan Astro Malaysia, Peti Surat 10148, 50710 Kuala Lumpur; (ii) melalui e-mel di pdpo@astro.com.my; atau (iii) melalui telefon di 03 9543 3838.